

SATU KAJIAN MENGENAI PERANAN PENSYARAH KUIPSAS UNTUK
MEWUJUDKAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM SESI PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN PADA MUSIM COVID 19

AHMAD HUZAIFAH BIN ASHRAFUDDEN

PID17355

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM PENGKHUSUSAN
DAKWAH DAN PENGURUSAN

JABATAN DAKWAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH

2020

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

AHMAD HUZAIFAH BIB ASHRAFUDDEN

PID17355

AKUAN PENYELIA

Kertas projek ini diluluskan dan diterima oleh :

Tandatangan:

Nama Penyelia :

Siti Masliah Binti Mohd Nuri

Penyelia Kertas Projek

Jabatan Dakwah

Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
(KUIPSAS)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan tugas bagi Kajian Ilmiah atau dikenali sebagai Tesis . Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Ustazah Masliah Binti Mohd Nuri, selaku Pensyarah untuk Tesis ini kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada saya untuk melunaskan tugas yang diberikan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini terutamanya kepada Ustazah Masliah Binti Mohd Nuri atas budi bicara beliau dalam memberi tunjuk ajar sepanjang masa tugas ini dijalankan. Selain itu, saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung . Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji Peranan Pensyarah Kuipsas Untuk Mewujudkan Komunikasi Berkesan Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran pada musim covid-19 dengan menggunakan kaedah deskriptif, pengumpulan data dari kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini dilakukan bertujuan memberikan penjelasan dan pengetahuan kepada masyarakat tentang Peranan Pensyarah Kuipsas Untuk Mewujudkan Komunikasi berkesan Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran pada musim covid-19.

Kesimpulannya, kajian ini dapat dijelaskan dengan lebih terperinci tentang komunikasi yang berkesan.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

BAB 1 PROPOSAL

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Permasalahan kajian	3-4
1.3 Kepentingan kajian	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Limitasi kajian	5
1.6 Definisi operasi kajian	5-6
1.7 Metodologi kajian	6
1.7.1 Metod pengumpulan data	7
1.8 Ulasan perpustakaan	7
1.8.1 Kajian lapangan	7
1.8.2 Metode temu bual	7-8
1.8.3 Metode observasi berstruktur	8-9
1.8.4 Analisi data	9-10

BAB 2 KOMUNIKASI

2.1 Pengenalan	11-14
2.2 Komunikasi dalam al-quran	14-15
2.3 Komunikasi lisan	15-16

2.4 Komunikasi bukan lisan	16-17
2.5 Konsep komunikasi	17
2.6 Komunikasi intrapersonal	17
2.6.1 Komunikasi interpersonal	18-19
2.6.2 Kemahiran komunikasi	19
2.6.3 Komunikasi kumpulan kecil	20
2.6.4 Komunikasi awam	21
2.6.5 Komunikasi massa	21-22
2.7 Tujuan komunikasi	22-24
2.8 Fungsi komunikasi	24
2.8.1 Keperluan fizikal	25
2.8.2 Keperluan identiti	26
2.9 Kesimpulan	26-27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Kaedah kajian	28
3.2 Tempat kajian	29-30
3.3 Kaedah pemilihan sampel	31
3.4 Kaedah mengedar soal selidik	31
3.5 Kaedah pengumpulan soal selidik	32
3.6 Kaedah mengestrak data	32

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1 analisis data	33
-------------------	----

4.2	Dapatan kajian	33-35
4.3	Rumusan dapatan	35
4.4	Perbincangan	36-37

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Cadangan	38-39
5.2	Kesimpulan	40

RUJUKAN

LAMPIRAN

BAB 1

PROPOSAL

1.1 PENGENALAN

Komunikasi adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan. Dari saat kita membuka mata setiap hari sehinggalah kita tidur, hari-hari yang kita lalui dipenuhi dengan cabaran-cabaran dan peluang-peluang komunikasi. Kita berkomunikasi dengan diri kita apabila kita memikirkan tentang idea-idea, berlatih untuk cara-cara mendekati seseorang bagi membincang isu-isu yang sukar dan kritikal dan sebagainya. Kita berkomunikasi dengan orang lain untuk membentuk dan mengekalkan hubungan, melakukan tugas dan meningkatkan kerja dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti social dan kemasyarakatan. Setiap aspek kehidupan melibatkan komunikasi.

Komunikasi merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi ialah satu proses memindahkan atau menyampaikan mesej dari satu pihak kepada pihak yang lain (Abdullah Hassan dan Aion Mohd, 1993). Manakala Sillars (1998) mendefinisikan komunikasi sebagai penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat. Sillar (1998) melihat maklumat dalam bentuk pendapat, idea-idea dalam bentuk tulisan, percakapan atau imej visual yang boleh difahami oleh orang yang melihat atau mendengar. Gregory (1997) menyatakan komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat daripada satu pihak (penyampai) kepada satu pihak lain (penerima).

Menyatakan terdapat empat elemen dalam proses komunikasi iaitu penyampai, mesej, pengantara dan penerima. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, penyampai itu adalah para pensyarah. Mereka akan menyampaikan mesej melalui media yang berbeza kepada penerima iaitu pelajar. Komunikasi yang berkesan ialah apabila pelajar berjaya mentafsir semula mesej yang disampaikan. Contohnya, pelajar berhasil mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pensyarah. *Abdullah Hassan dan Aion Mohd (1998)*

Walaupun komunikasi hadir di mana-mana, ia selalunya tidak berkesan. Mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi tentang komunikasi akan melalui kesukaran dalam usaha mereka untuk mencapai matlamat peribadi, professional dan sosial. Sebaliknya mereka yang dapat berkomunikasi dengan baik mempunyai kelebihan dalam mencapai objektif-objektif kehidupan. Ini menunjukkan bahawa mempelajari dan mendalami ilmu komunikasi dan mempelajari bagaimana untuk berkomunikasi adalah kunci kepada kehidupan yang berkesan. Memandangkan komunikasi adalah satu proses berterusan yang berlaku dalam kehidupan kita, kita perlu memahami proses-proses dan kemahiran-kemahiran yang relevan dengan pelbagai bentuk dan fungsi komunikasi.

Setelah memahami maksud komunikasi dan melihat sebab-sebab kenapa kita perlu berkomunikasi, seterusnya kita akan mendalami fungsi-fungsi komunikasi, dalam kehidupan kita. Sama ada sedar atau tidak sama ada kita belajar atau bekerja, setiap hari banyak masa kita diluahkan untuk urusan komunikasi. Hal ini kerana kita sentiasa dikelilingi oleh orang lain. Oleh itu, kita selalunya akan cuba untuk memahami dan difahami dan keadaan ini semestinya melibatkan komunikasi. Secara keseluruhannya, komunikasi memenuhi keperluan dan keinginan kita dalam pelbagai cara. Bahagian berikut akan memperjelaskan bagaimana komunikasi dapat memenuhi keperluan akan memperjelaskan bagaimana komunikasi dapat memenuhi keperluan fizikal, identity, sosial dan praktikal.

Sehubungan itu, jenis komunikasi boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan (non-verbal) atau bertulis. Komunikasi secara lisan melibatkan proses mendengar mesej yang disampaikan oleh orang lain secara lisan seperti pensyarah bersyarah kepada pelajar. Manakala komunikasi secara bukan lisan melibatkan proses melihat dan memahami sahaja apa yang ditulis atau diisyaratkan oleh orang lain seperti pensyarah menulis maklumat di papan putih atau menunjukkan tanda isyarat sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi juga merupakan interaksi sosial yang dilakukan melalui mesej. Aktiviti komunikasi dianggap berkesan sekiranya maksud yang disampaikan diterima dengan jelas oleh penerima. Selain itu, sebagai penerima mesej, seharusnya beliau perlu mendengar dengan baik utusan atau mesej yang disampaikan mengekalkan komunikasi yang berkesan. (*Bahagian Pendidikan Guru, 2007*)

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Tumpuan yang kurang teliti dan gangguan semasa kelas dalam talian akan sedikit sebanyak menjejaskan komunikasi di antara pensyarah dan pelajar. Selain itu, pelajar kurang memberi tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Satu lagi halangan komunikasi ialah kritikan yang sering dilemparkan oleh pensyarah kepada pelajarinya di hadapan rakan-rakan yang lain akan mengganggu emosi pelajar. Ini menyebabkan mereka lebih merendah diri dan tidak bersemangat di dalam kelas dan bertindak berdiam diri.

Nada suara yang kurang jelas dan gemar menggunakan bahasa-bahasa yang sukar di fahami oleh pelajar untuk memberi penerangan kepada pelajar dalam penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran akan menyukarkan pemahaman pelajar. Ini juga menyebabkan komunikasi akan kurang berkesan. Seterusnya, halangan lain yang berlaku ialah sesetengah pensyarah hanya bersyarah sepanjang masa dalam erti kata lain melakukan komunikasi sehalu dan lebih gemar membuat kerja sendiri tanpa menyampaikan idea kepada pelajar mereka bagi meningkatkan pemahaman mereka. Ini akan menyebabkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar tidak berkesan.

Apa yang ketara sekarang di sebalik krisis akibat penularan penyakit COVID-19 ini. Pihak yang berkenaan boleh melihat sendiri bahawa bidang pembelajaran dalam talian masih belum mencapai tahap yang memuaskan dan mereka perlu lebih fokus dalam hal berkenaan. Bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan, Terdapat banyak kekangan dalam kalangan murid. Kebanyakan pelajar belum dapat menyesuaikan diri memasuki kelas maya seperti ini kerana suasananya yang berbeza daripada kelas harian biasa. Selain itu, halangan lain yang menyebabkan mereka tidak dapat turut serta dalam kelas maya disebabkan tiada kemudahan internet dan peralatan.

Akhir sekali, untuk meningkatkan keberkesanan dalam sesuatu putaran komunikasi, pensyarah perlu memberikan perhatian kepada beberapa elemen yang telah disenaraikan,

dipraktikkan dan diaplikasikan dengan penuh yakin supaya proses interaksi yang wujud dalam kelas akan cukup bermakna, ceria dan bermanfaat. Tidak dapat dinafikan elemen komunikasi merupakan salah satu elemen yang cukup penting dalam fasa pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi yang berkesan dan komunikasi yang mesra antara pensyarah dan pelajar akan meningkatkan lagi bukan sahaja interaksi yang intim dan akrab, malah mewujudkan suasana yang cukup harmoni dan ini akan menghindari segala halangan dan sekatan yang akan membatasi dan menghadkan perhubungan pensyarah dan pelajar.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Komunikasi adalah medium yang amat penting dan luas penggunaannya dalam penyampaian. Secara umum, kajian ini dilihat amat penting di dalam mempromosikan kelebihan komunikasi secara dalam talian di kalangan pelajar secara teori dan praktikal. Penemuan dari kajian ini dapat membantu para pendidik, ibu bapa dan masyarakat menggunakan pendekatan komunikasi dalam usaha menerapkan nilai yang baik kepada pelajar, anak-anak dan kumpulan sasaran masing-masing. Kajian ini juga dapat meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan komunikasi dalam talian mencorak diri serta kumpulan sasaran mengikut kaedah yang lebih berkesan. Selain itu, pihak pengurusan dapat mengenal pasti faktor pelajar kurang mengaplikasikan isi pengajaran dalam kehidupan seharian.

Di pihak pensyarah pula, kajian ini mampu untuk dijadikan sumber informasi penting dalam mengenal pasti kelemahan dan kekurangan komunikasi dalam talian yang digunakan, penemuan kajian dapat membantu pensyarah merangka kaedah yang lebih dekat dengan jiwa pelajar. Akhirnya, kajian ini akan memberi panduan kepada pengkajian ilmu yang berkaitan komunikasi serta pendidikan. Maklumat-maklumat yang diperolehi dapat membantu institusi pendidikan, institusi-institusi yang berkaitan, Kementerian Pengajian Tinggi dalam menerapkan kaedah komunikasi dalam pembelajaran adalah agenda pendidik kepada pelajar agar lebih sistematik dan praktikal demi kepentingan masyarakat terutamanya golongan sasaran.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep komunikasi dalam talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah.
2. Mengenal pasti bentuk pelaksanaan komunikasi dalam talian oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
3. Mengenal pasti Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah penerimaan terhadap komunikasi dalam talian oleh pensyarah.

1.5 LIMITASI KAJIAN

Dalam limitasi kajian, penulis melakukan kajian di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, kajian di jalankan pada 10 Julai 2020 hingga 5 Oktober 2020. Kajian yang dilakukan adalah suatu kajian berbentuk lapangan. Kajian tertumpu kepada tahap keberkesanan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran semasa musim COVID-19. Sampel kajian terdiri daripada pensyarah dan mahasiswa Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

Pemilihan sampel adalah terbuka kepada pensyarah lelaki dan perempuan daripada pendidikan Islam. Tumpuan utama kajian berfokus kepada sejauh mana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran semasa COVID-19. Penulis menggunakan kaedah rawak dalam membuat kajian untuk memudahkan pengumpulan data.

1.6 DEFINISI OPERASI KAJIAN

Komunikasi merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi ialah satu proses memindahkan atau menyampaikan mesej dari satu pihak kepada pihak yang lain (Abdullah Hassan dan Aion Mohd, 1993). Manakala Sillars(1998) mendefinisikan komunikasi sebagai penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat. Sillar (1998) melihat maklumat dalam bentuk pendapat, idea-idea dalam bentuk tulisan, percakapan atau imej visual yang boleh difahami oleh orang yang melihat atau mendengar. Gregory (1997) menyatakan komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat daripada satu pihak (penyampai) kepada satu pihak lain(penerima). (Abdullah Hassan dan Aion Mohd, 1993, Sillars 1998, Gregory 1997)

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi bermaksud pengetahuan tentang pelbagai cara kerja yang disesuaikan dengan subjek ilmu-ilmu berkaitan. Metodik (metode-metode) itu merupakan jalan atau cara yang digunakan secara lebih mendalam. Metodologi kajian adalah satu cara dan kaedah yang sistematik untuk memperoleh dan mengumpul data-data yang tepat dan bersesuaian berkaitan dengan tujuan kajian . Data merupakan segala bentuk maklumat yang dikumpulkan untuk tujuan dianalisis. Dalam penyelidikan sebahagian besar kekuatannya terletak pada kualiti faktanya. Dalam menyempurnakan penulisan ini, kajian akan menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

Dapat kita fahami bahawa metodologi adalah suatu yang sangat penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan dalam menjawab permasalahan kajian. Ia meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Kajian berasaskan metodologi yang sesuai akan memperoleh hasil yang tidak diragui, Sebaliknya, jika sesuatu penyelidikan dilakukan tanpa menggunakan kaedah dan metodologi yang sesuai dan betul, hasil kajian itu boleh dipertikaikan kesahihannya. Oleh itu, dalam kajian ini, penulis telah merancang dengan teratur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu

1.7.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data merupakan proses pengumpulan maklumat dengan memilih dan menggunakan kaedah alat pengumpulan data yang bersesuaian dengan permasalahan kajian, strategi penyelidikan di samping jenis dan kewujudan sumber data.

1.8 ULASAN PERPUSTAKAAN

Kajian perpustakaan digunakan adalah untuk mengumpulkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Perpustakaan yang terlibat adalah untuk Mengetahui dengan lebih mendalam tentang konsep komunikasi dan penggunaannya dalam penyampaian. Data-data diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal, dokumen, disertasi yang berkaitan dengan kajian.

1.8.1 KAJIAN LAPANGAN

Kajian lapangan iaitu membuat pemerhatian dan mencatat tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi. Kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan data-data secara terus daripada responden. Cara ini akan menghasilkan suatu persoalan terkini dan lebih menepati objektif kajian. Kajian lapangan boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu:

1.8.2 METODE TEMU BUAL

Temu bual iaitu interaksi antara penemu bual (interviewer) dengan yang ditemu bual (interviewee) melalui dalam talian menggunakan aplikasi yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan fakta yang berkaitan dengan kajian sebanyak mungkin daripada subjek kajian. Temu bual akan dilakukan ke atas:

a) Pensyarah

Temu bual secara berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan dan pelaksanaan komunikasi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pada musim covid ini, 30 orang pensyarah Pendidikan Islam Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah . Kaedah temu bual telah dilakukan secara individu ke atas 30 orang pensyarah selama empat hari bertempat di Jabatan Pengajian islam dan sebanyak 6 soalan yang berkaitan dengan pelaksanaan komunikasi pensyarah terhadap pelajar telah diajukan.

b) Pelajar

Temu bual tidak berstruktur dilakukan ke atas 10 orang pelajar yang mengikuti kelas dalam talian untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut dari borang soal selidik yang berkaitan dengan perhubungan komunikasi terhadap pelajar dari segi penerimaannya. Temu bual dilakukan sebaik sahaja pelajar telah selesai menjawab soalan soal selidik yang diedarkan. Pemilihan pelajar dibuat secara rawak.

1.8.3 METODE OBSERVASI BERSTRUKTUR

Observasi berstruktur adalah pemerhatian yang dilakukan untuk membolehkan penyelidik mengumpul data berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan bagi memahami secara lebih mendalam tentang perkara yang dikaji dan mencatat dapatan dalam borang pemerhatian. Observasi memberi peluang kepada penyelidik melihat sendiri secara langsung dengan situasi yang dikajinya disamping menyokong dapatan soal selidik. Dalam kajian ini observasi akan dilakukan ke atas:

a) Pensyarah, Maklumat kajian juga dikumpul melalui pemerhatian pelaksanaan dan perjalanan kelas dalam talian pensyarah dan pelajar. Kaedah ini dapat membantu penyelidik mendapat maklumat yang lebih mendalam berdasarkan perkara sebenar tentang aplikasi komunikasi .

b) Pelajar, Pelajar yang sedang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian daripada pensyarah di dalam kelas dan tingkah laku.

c) Borang soal selidik Dalam kajian ini, pengkaji menyediakan set soal selidik yang diedarkan kepada 30 orang pensyarah menggunakan google form. Tujuan soal selidik ini adalah untuk melihat tahap penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan komunikasi pensyarah dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran semasa kelas dalam talian.

1.8.4 ANALISIS DATA

Analisis data adalah proses menghuraikan masalah kajian berasaskan persoalan kajian bagi menjelaskan objektif kajian yang telah disasarkan. Semua data yang telah dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

i) Kaedah kualitatif

Analisis data dengan kaedah kualitatif akan dibuat hasil daripada dokumen, temu bual dan observasi yang dijalankan dalam memahami pelaksanaan komunikasi dalam penyampaian pensyarah dan hubungannya dengan respon pelajar. Pemikiran yang kritis diperlukan bagi melihat secara induktif dan deduktif data yang ada serta melakukan perbandingan (komparatif) antara data-data yang diperolehi bagi mendapatkan satu kesimpulan dalam memahami pelaksanaan kajian. Temu bual secara berstruktur yang dijalankan ke atas 30 orang pensyarah pendidikan Islam melibatkan 6 item yang perlu dijawab. Penganalisan secara menyeluruh akan dilakukan terhadap hasil jawapan daripada temubual yang dijalankan bagi mendapatkan pengesanan tentang pelaksanaan komunikasi dalam talian pensyarah terhadap pelajar. Kaedah pengesanan dilaksanakan dengan mengumpul semua data temu bual bersama pensyarah dan proses penakulan perlu dilakukan semasa menganalisis jawapan-jawapan tersebut bagi mengesan bentuk pelaksanaan komunikasi pensyarah terhadap pelajar dalam proses

penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Semasa proses ini, penyusunan data temu bual dibuat bagi memetik aspek komunikasi pensyarah yang dipilih merujuk kepada soalan temu bual berstruktur yang digunakan mengikut pembahagian yang telah ditetapkan.

ii) Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif juga digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam mendapatkan data kajian. Sebanyak borang soal selidik diedarkan kepada pelajar. Seterusnya 10 orang pelajar tersebut perlu menjawab 10 item tetap dalam borang soal selidik mengenai tahap penerimaan mereka terhadap komunikasi pensyarah. Data soal selidik yang diperolehi adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan, bentuk dan halangan komunikasi di kalangan pelajar.

BAB 2

KOMUNIKASI

2.1 PENGENALAN

Komunikasi merupakan satu proses di mana manusia menghantar dan menerima mesej. Ini juga bermakna, komunikasi boleh juga didefinisikan sebagai satu proses di mana manusia berkongsi pendapat, informasi mahu pun perasaan. Terdapat beberapa definisi komunikasi yang diberi oleh penulis terdahulu, di antaranya menyatakan bahawa komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai objektif seperti bertukar-tukar maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk mahupun menukar keadaan fizikal dan mental manusia pula mentakrifkan komunikasi sebagai proses perkongsian maklumat, pendapat dan perasaan dari individu kepada individu yang lain. *Byrnes (1975) dipetik dalam Abdul Mua'ti (2001)*

Komunikasi sebagai satu proses yang berterusan iaitu berlaku proses pemindahan maklumat dan maklum balas daripada penutur kepada penerima. Berdasarkan kajian komunikasi kanak-kanak, pendekatan interaksi-fungsional menyatakan bahawa kanak-kanak mempelajari makna bahasa disebabkan terdapat hubungan sistematik yang selari dengan apa yang didengari oleh mereka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Tujuan kanak-kanak berkomunikasi, wujud secara semula jadi daripada sistem andaian dan pemahaman yang terhasil daripada kenalaran dan ritual pada proses pembelajaran awal mereka. Kebiasaannya kanak-kanak berkomunikasi dengan tujuan untuk menyatakan sesuatu hasrat yang terpendam dalam hati mereka. Contohnya seperti menyatakan sesuatu, mengarah ataupun membuat permintaan.

Perkembangan kognitif kanak-kanak berubah mengikut perkembangan usia mereka. Piaget memberikan empat tahap perkembangan iaitu tahap Deria Motor, 0 hingga 2 tahun,

tahap Pra Operasi, 2 hingga 7 tahun dan tahap Operasi Konkrit, 7 hingga 12 tahun serta tahap Operasi Formal, selepas 12 tahun. Pada peringkat Deria Motor, kanak-kanak mula menggunakan deria untuk memahami dan berinteraksi dengan persekitaran. Ketika mereka berumur 4 hingga 8 bulan, berlaku daya koordinasi di antara penglihatan dan sentuhan. Apabila berusia 1 tahun kanak-kanak mula menyedari terdapat objek-objek lain dalam persekitarannya. Pada akhir umur 2 tahun, mereka mula mempelajari bahasa dan lambang yang mudah. Di peringkat Pra Operasi, kanak-kanak mampu menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu konsep. Apabila mencapai usia 4 tahun, kanak-kanak boleh bertutur dengan fasih dan perkembangan kognitifnya semakin pesat. Piaget (1926) menyatakan bahawa pemikiran kanak-kanak pada peringkat ini adalah bersifat egosentrik iaitu berfikir berdasarkan pandangan dirinya sahaja dan tidak berupaya melihat pandangan orang lain. Pada akhir peringkat ini mereka berupaya memberi sebab untuk menyokong kepercayaan mereka, mengelaskan objek mengikut ciri tertentu dan memahami konsep pengabadian bilangan.

Kognitif Piaget (1896-1980)

Pada peringkat Operasi Konkrit pula, iaitu antara usia 7 sehingga 12 tahun, Piaget mendapati bahawa egosentrik kanak-kanak mula lupus secara beransur-ansur. Pada masa yang sama mereka memperolehi konsep transformasi, menguasai proses kebalikan dan mengamati proses songsangan. Di samping itu, kanak-kanak pada tahap ini mempunyai kebolehan mengelas, menyusun dan membezakan objek-objek. Mereka juga memahami arithmetik asas, jisim, panjang, sifat transitif dan proses matematik. Walau bagaimanapun, keupayaan berfikir secara logik adalah terbatas kepada secara konkrit dan pengalaman secara langsung sahaja. Peringkat yang terakhir, iaitu peringkat Operasi Formal, bermula dari usia 12 tahun dan perkembangan kognitif mencapai kemuncaknya pada penghujung usia 16 tahun. Pada peringkat ini, remaja telah boleh berfikir secara abstrak dan berkemampuan untuk menyelesaikan masalah secara lebih kompleks.

Kanak-kanak pada peringkat usia 4 tahun, sudah mampu menguasai kosa kata, tatabahasa, semantik, pragmatik serta wacana yang berkaitan dengan pengalaman mereka sehari-hari. Pada tahap ini juga, kanak-kanak memperoleh semua bahasa yang didengarnya berdasarkan faktor persekitaran seperti keluarga dan tempat mereka dibesarkan. Mereka melakukan pelbagai perkara dengan sendiri secara kreatif. Perkara ini adalah didorong oleh

naluri semulajadi atau kadangkala dipengaruhi oleh apa yang dilihat di sekeliling mereka, termasuklah meniru gaya pertuturan orang yang paling rapat dengan mereka seperti rakan-rakan atau 'peers'. *Miller (1979)*

Namun begitu pada peringkat awal usia prasekolah, kanak-kanak dikatakan menghadapi masalah atau kesukaran dalam menyampaikan makna atau mesej kepada pendengar nya oleh kerana pencapaian linguistik dan kebolehan kognitif mereka yang rendah. Kesukaran-kesukaran ini adalah seperti kurangnya pengetahuan tentang penggunaan sesuatu perbendaharaan kata dan tatabahasa yang diperlukan bagi membentuk sebuah ayat yang lengkap, mempunyai sifat malu dan perasaan cepat bosan pada sesuatu perkara di kalangan kanak-kanak. *Menurut Kow (2000)*

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian terdahulu menunjukkan bahawa kanak-kanak biasanya akan menggunakan sesuatu strategi yang dinamakan sebagai strategi komunikasi, untuk menyampaikan maksud dan memastikan pendengar nya menerima mesej yang hendak disampaikan, strategi komunikasi bermaksud suatu pendekatan atau langkah yang diambil oleh seseorang apabila cara berkomunikasi yang biasa dilakukannya, tidak dapat difahami oleh pendengarnya. Di antara beberapa pengkaji yang menjalankan kajian yang mempunyai kaitan dengan strategi komunikasi adalah Kow (2000), Bialystok (1990), Faerch dan Kasper (1983), Tarone (1980), Potts, Cocking, Carlson and Copple (1979), Dore (1975). Contohnya, hasil kajian Potts, Cocking, Carlson and Copple (1979) telah menunjukkan bahawa pengulangan, 'labelling' atau melabelkan seseorang dengan sesuatu nama dan menjawab dengan jawapan 'I don't know' adalah antara beberapa contoh strategi komunikasi yang telah digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian mereka bagi menyampaikan makna.

Kebanyakan kajian tentang strategi komunikasi menganggap bahawa terdapat lebih banyak masalah atau kesukaran dihadapi oleh penutur bahasa kedua atau 'L2' dalam menyampaikan maksud berbanding penutur bahasa pertama atau 'L1' kerana penutur bahasa kedua mempunyai sumber (bahan yang boleh dijadikan tumpuan untuk mendapatkan pertolongan) yang kurang. Walaupun bagaimanapun, adalah didapati bahawa strategi komunikasi tidak khusus untuk penutur bahasa kedua sahaja. *(Kow, 2000)*

Dalam membicarakan tentang aspek komunikasi, semua komponen sesuatu peristiwa komunikasi merupakan satu potensi input kepada kanak-kanak dalam pembinaan makna dari bahasa dan yang paling menonjol adalah identiti sosial para peserta. Manakala berdasarkan pendekatan interaksi-fungsional, kanak-kanak belajar memahami makna bahasa disebabkan adanya hubungan sistematik di antara apa yang didengar dengan apa yang berlaku di sekitar mereka, tujuan kanak-kanak berkomunikasi wujud secara semula jadi daripada sistem andaian dan pemahaman yang dimiliki bersama yang terhasil daripada kenalaran dan ritual pada sosialisasi awal mereka. *Slobin (1967)*

Secara keseluruhannya, komunikasi disimpulkan sebagai suatu proses perkongsian makna yang berlaku dalam sesuatu perhubungan. Semasa berkomunikasi atau berbual sama ada secara terus atau dengan menggunakan perantaraan seperti video conference, email, telefon dan lain-lain, setiap manusia akan berkongsi pendapat atau penerangan tentang sesuatu perkara seperti berkongsi topik berkenaan manusia, berkongsi perasaan gembira dan sedih, berkongsi sesuatu situasi semasa, berkaitan politik, kewangan atau hal-hal peribadi, dan sebagainya. Perkara ini boleh berlaku sama ada dalam bentuk komunikasi lisan atau pun komunikasi bukan lisan iaitu sama ada melalui perbualan ataupun dengan gerak badan dan ekspresi muka atau mimik muka sahaja. Ini bermakna manusia juga boleh mencetuskan perasaan mereka melalui nada suara, gerak geri badan dan muka serta tanpa berkata apa-apa atau dalam erti kata lain senyap atau diam.

2.2 KOMUNIKASI DALAM AL-QUR'AN

Al-Qur'an menyebut komunikasi sebagai salah satu fitrah manusia. Untuk mengetahui bagaimana manusia seharusnya berkomunikasi. Al-Qur'an memberikan kata kunci (keyconcept) yang berhubungan dengan hal itu. Al-Syaukani, misalnya mengartikan kata kunci al-bayan sebagai kemampuan berkomunikasi. Selain itu, kata kunci yang dipergunakan Al-Qur'an untuk komunikasi ialah al-qaul. Dari al-qaul ini, Jalaluddin Rakhmat menguraikan prinsip, qaulan sadidan yakni kemampuan berkata benar atau berkomunikasi dengan baik. Dengan

komunikasi, manusia mengekspresikan dirinya, membentuk jaringan interaksi sosial, dan mengembangkan kepribadiannya. Para pakar komunikasi sepakat dengan para

psikolog bahwa kegagalan komunikasi berakibat fatal baik secara individual maupun sosial. Secara individual, kegagalan komunikasi menimbulkan frustrasi; demoralisasi, alienasi, dan penyakit-penyakit jiwa lainnya. Secara sosial, kegagalan komunikasi menghambat saling pengertian, menghambat kerja sama, menghambat toleransi, dan merintang pelaksanaan norma-norma sosial Al-Qur'an menyebut komunikasi sebagai salah satu fitrah manusia.

Dalam QS. Al-Rahman (55) / 1 – 4:

الرَّحْمٰنُ ﴿٥٥:١﴾ عَلَّمَ الْقُرْآنَ ط ﴿٥٥:٢﴾ خَلَقَ الْاِنْسَانَ ﴿٥٥:٣﴾ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ﴿٥٥:٤﴾

Terjemahnya :

(tuhan) yang Maha pemurah, (55:1) Yang telah mengajarkan Al-Qur'an, (55:2) Dia menciptakan manusia, (55:3) Mengajarnya pandai berbicara, (55:4)

2.3 KOMUNIKASI LISAN

Komunikasi lisan adalah asas interaksi antara satu individu dengan individu atau antara kumpulan dengan kumpulan yang lain. Terdapat beberapa komponen komunikasi lisan yang terdiri daripada suara atau bunyi, perkataan, percakapan dan bahasa. Komunikasi lisan memberi makna bahasa lisan sebagai suatu perlakuan dimana pola-pola bunyi tertentu yang dihasilkan akan menggerakkan seseorang itu untuk melakukan sesuatu. Takrif bahasa lisan sebagai sesuatu yang mempunyai empat tahap. Ia adalah bunyi (fonologi), kata (morfologi), struktur (sintaksis) dan makna (semantik). Beliau meletakkan definisi komunikasi sebagai perkongsian makna. Dalam aspek perkembangan bahasa kanak-kanak, mentakrifkan komunikasi atau bahasa perhubungan sebagai bahasa yang ditujukan kepada orang lain ketika berhubung atau berkomunikasi. Beliau memberi contoh, ketika kanak-kanak bertukar-tukar

fikiran dengan orang lain, mereka akan melakukan dengan berbagai cara seperti bertanya, bercerita, bertengkar, mengulas dan sebagainya.

Komunikasi lisan adalah interaksi tutur kata secara timbal balas di antara penutur dan pendengar dalam memahami dunia pendengar dengan lebih jelas. Komunikasi lisan boleh disampaikan dengan lebih jelas mengenai perasaan tertentu seperti sayu, gembira, terharu, geram, takut, sakit hati dan sebagainya. Pendengar tidak rasa keliru kerana mesej yang disampaikan adalah menggunakan bahasa yang mudah difahami. Selain itu komunikasi lisan banyak menggunakan bahasa atau analogi yang mudah dan difahami oleh pendengar seperti penggunaan metafora, kiasan, perbandingan dan pepatah. Namun, komunikasi lisan yang berkesan ialah penutur harus berada dalam keadaan yang tenang dan dengan nada yang sesuai. Oleh kerana fokus kajian adalah strategi komunikasi lisan maka perbincangan lebih lanjut di huraikan di bahagian strategi komunikasi. (*Skinner 1972, Zamri, 2007*)

2.4 KOMUNIKASI BUKAN LISAN

Komunikasi bukan lisan, ia boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu a) isyarat yang mempunyai kaitan dengan ruang dan waktu, b) pergerakan tangan, c) air muka, d) nada suara dan e) cara berpakaian atau pakaian yang dipakai. Ruesch dan Kees (Knapp 1972) telah mengkategorikan komunikasi bukan lisan kepada lambang atau simbol sebagai isyarat tanpa lisan, pengilustrasian sebagai isyarat disertai lisan, pemaparan rasa yang menunjukkan emosi dari air muka, pengawal (regulator) iaitu pengawalan aliran berkomunikasi (giliran bercakap) dan penyesuaian iaitu adaptasi diri dengan situasi. *Ruesch dan Kees (Knapp 1972)*

Selain itu, ia adalah meliputi kumpulan faktor-faktor seperti gerak isyarat, pembawakan diri, pergerakan mata, cara berpakaian dan cara pergerakan yang di panggil 'cluster'. Setiap satu isyarat dalam komunikasi bukan lisan memberi satu makna. Sebagai contoh meletakkan tangan bersilang di atas dada membawa maksud seseorang itu ialah seorang yang dingin atau kurang berperasaan. Sebaliknya menyilang tangan di atas dada sambil membeliakkan mata dan memandang dengan mata yang tajam ke arah seseorang mungkin menunjukkan seseorang itu sedang marah (Berko, Wolvin & Wolvin, 1992). Berko (1992) menggariskan bahawa, komunikasi bukan lisan terbahagi kepada bahasa tubuh, paralanguage (bunyi suara), proxemics

(ruang), chronemics (masa),olfatics (bau), aesthetics (muzik dan warna) perlakuan fizikal (bentuk tubuh dan saiz,warna kulit) dan artifak (pakaian, solekan, kaca mata, barang kemas). Namun begitu,oleh kerana fokus kajian akan tertumpu kepada bahasa tubuh dan paralanguage dalam bidang komunikasi bukan lisan, kedua-dua aspek ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian strategi komunikasi kanak-kanak. (*Berko, Wolvin & Wolvin 1992*)

2.5 KONSEP KOMUNIKASI

Seperti yang kita sedia maklum, proses komunikasi berlaku apabila seseorang individu atau kumpulan menghantar dan menerima mesej. Proses ini berlaku dalam sesuatu konteks atau persekitaran, mempunyai kesan tertentu, ada ruang untuk maklum balas dan kadang kala mendapat gangguan sama ada secara fizikal mahupun psikologi. Definisi komunikasi sebagai suatu proses melibatkan pengiriman, penerima dan pemahaman mesej. Ketiga-tiga komponen ini saling bergantung antara satu sama lain dan tidak boleh dilihat secara berasingan. Komunikasi bukanlah suatu proses yang mudah kerana setiap seorang dari kita menggunakan atau mendefinisikan terma “komunikasi” dengan pelbagai cara.

2.6 KOMUNIKASI INTRAPERSONAL

Komunikasi intrapersonal bermaksud komunikasi dengan diri sendiri. Bagaimanakah anda berkomunikasi dengan diri anda? Kita berkomunikasi dengan diri kita sendiri apabila memikirkan sesuatu perkara dan kemudian berkata-kata dengan diri kita. Contohnya, kita menilai dan memujuk diri tentang sesuatu perkara, memikirkan alasan-alasan yang sesuai untuk suatu keputusan ataupun berlatih untuk berkata sesuatu sebelum kita menyatakan kepada orang lain. Cara bagaimana anda menangani keadaan-keadaan ini bergantung dengan komunikasi intrapersonal yang mendahului atau mengiringi perlakuan anda. Dalam komunikasi intrapersonal, selalunya kita tidak berfikir atau berkomunikasi dengan diri sendiri secara lisan.

2.6.1 KOMUNIKASI INTERPERSONAL

Kadang-kadang komunikasi ini juga dipanggil komunikasi dyadic bagi merujuk interaksi antara 2 individu. Melalui komunikasi interpersonal ini, anda berkomunikasi dengan orang lain, belajar tentang diri mereka dan diri anda sendiri serta mendedahkan diri anda kepada orang lain. Melalui komunikasi jenis ini, anda menjalin, mengekalkan dan kadangkala memutuskan atau memperbaiki hubungan personal dengan orang lain. Dalam konteks Negara Malaysia yang berbilang kaum, komunikasi jenis ini boleh menjadi agak mencabar kerana kita perlu berinteraksi dengan individu daripada pelbagai kaum dan agama di Negara ini. Komunikasi interpersonal dilakukan mahu pun terjadi secara bersemuka, berbual dengan rakan, berinteraksi dengan ibu bapa semasa makan malam, bertukar rahsia dgn rakan di mana ianya berlaku sepanjang hari. Komunikasi ini memerlukan pertuturan atau pun penyampaian secara dua hala di mana terdapat proses perkongsian maklumat antara individu yang terlibat.

Terdapat tiga gaya tingkah laku interpersonal yang umum apabila berinteraksi dengan orang lain iaitu gaya pasif, agresif dan asertif. (*Ranjit, 2004*)

(i) Tingkah laku pasif Ciri utama tingkah laku pasif ialah mengalah kepada permintaan orang lain, tidak menyatakan perasaan atau pandangan diri sendiri dengan jujur dan memperkecilkecilkan diri sendiri kepada orang lain. Tingkah laku pasif melambangkan kompleks rendah diri. Orang yang mempunyai tabiat begini biasanya selalu diarah-arahkan oleh orang lain kerana mereka tidak mempertahankan hak sendiri. Tingkah laku ini disoroti dengan tekanan emosi, kekecewaan dan kemarahan.

(ii) Tingkah laku agresif Tingkah laku agresif melibatkan perbuatan yang tidak menghiraukan hak orang lain, menyalahkan orang lain apabila timbul masalah atau kesilapan, mengugut, berperang mulut dan menyindir. Tingkah laku agresif umumnya melambangkan kompleks tinggi diri. Orang yang memiliki tabiat ini berusaha mencapai matlamat-matlamat mereka dengan apa cara sekalipun termasuk memanipulasi orang lain. Tingkah laku ini menghasilkan tekanan dan menghalang pengasasan perhubungan yang akrab dan boleh dipercayai.

(iii) Tingkah laku asertif Kebanyakan pakar psikologi menyatakan bahawa gaya tingkah laku interpersonal yang paling berkesan bagi kebanyakan situasi ialah gaya asertif. Sifat asertif ialah mempertahankan hak-hak peribadi dan menyatakan fikiran, perasaan dan kepercayaan secara terus-terang, jujur dan wajar tetapi tidak pula mencabuli hak orang lain. Empat ciri utama orang yang asertif ialah mempertahankan hak sendiri, menyatakan perasaan dengan jelas dan jujur, menghormati hak dan perasaan orang lain serta berani mengatakan tidak apabila tidak mahu melakukan sesuatu. (*Ranjit, 2004*)

2.6.2 KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Kemahiran komunikasi yang baik adalah asas dalam setiap perhubungan dan ia adalah kunci kejayaan. 80 peratus manusia gagal dalam kerjayanya disebabkan oleh satu faktor iaitu gagal berhubung dengan orang lain. Ini kerana melalui komunikasi seseorang itu akan menterjemah perasaan, fikiran serta idea dengan pelbagai kaedah. Keadaan ini mampu membentuk satu kualiti perhubungan dalam masyarakat. Selain itu, Abdul Rashid (2000) menjelaskan komunikasi yang berkesan mempunyai lima ciri iaitu;

- (i) Kefahaman – Penerima benar-benar faham apa yang disampaikan oleh penyampai.
- (ii) Keseronokan – Mesej yang disampaikan boleh menimbulkan rasa seronok kepada penerima.
- (iii) Pengaruh ke atas sikap – Mesej yang disampaikan dapat mempengaruhi dan mengubah sikap, nilai dan pendapat penerima.
- (iv) Memperbaiki hubungan – Komunikasi yang berkesan dapat memperbaiki hubungan antara penyampai dan penerima apabila berlaku salah faham pada mesej yang disampaikan.
- (v) Wujudnya tindakan susulan – Mesej yang disampaikan oleh penyampai akan menyebabkan penerima membuat tindakan susulan. (*Abdul Rashid, 2000*)

2.6.3 KOMUNIKASI KUMPULAN KECIL

Kumpulan kecil boleh didefinisikan sebagai koleksi individu yang mana saling berhubung antara satu sama lain untuk tujuan tertentu dan memiliki darjah organisasi di antara mereka. Kebanyakan penyelidik mentakrifkan kumpulan kecil perlu dianggotai sekurang-kurangnya tiga orang ahli dan tidak lebih daripada dua belas atau lima belas ahli-ahli.

Dalam komunikasi kumpulan kecil, anda berinteraksi dengan beberapa orang individu yang berada dalam satu kumpulan antara 3 hingga 7 orang. Namun, bilangan ini mungkin bertambah memandangkan terdapat tafsiran yang berbeza tentang bilangan sebenar ahli-ahli kumpulan kecil. Dalam komunikasi ini anda mungkin berinteraksi dengan mereka dengan tujuan menyelesaikan masalah, membentuk idea-idea baharu, berkongsi pengetahuan dan pengalaman ataupun membuat sesuatu keputusan. Dua konteks interaksi yang mungkin berlaku dalam komunikasi kumpulan ini ialah konteks formal atau tidak formal. Konteks formal merujuk komunikasi rasmi seperti mesyuarat atau perbincangan mengenai sesuatu tindakan yang perlu diambil bagi sesebuah organisasi, manakala konteks tidak formal atau tidak rasmi biasanya berlaku dalam perbincangan tidak rasmi seperti berkongsi pengalaman dan maklumat tentang sesuatu.

Jika dibandingkan dengan komunikasi interpersonal, komunikasi kumpulan kecil agak berbeza dari segi tekanan. Contohnya, dalam kumpulan, ahli majority boleh memberikan tekanan terhadap ahli minority untuk bersetuju tentang sesuatu perkara. Hal ini berlaku sama ada secara sedar atau tidak. Tekanan lain ialah sifat mematuhi pemimpin dengan memberikan keselesaan kepadanya untuk mengambil risiko yang tidak mungkin diambil jika beliau berseorangan ataupun berdua. Hasilnya, komunikasi dalam kumpulan banyak dipengaruhi oleh pemimpin yang mempunyai autoriti. Walau bagaimanapun, sisi positif komunikasi kumpulan ialah apabila keputusan yang diambil lebih kreatif kerana bilangan ahli yang ramai akan memberikan banyak idea baharu. (*Tim Moorhead, 1999*)

2.6.4 KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi awam berlaku apabila suatu kumpulan menjadi terlalu besar bagi membolehkan setiap ahlinya menyumbang kepada kumpulan. Komunikasi dalam bentuk ini sering kali melibatkan pengucapan awam. Seseorang atau mungkin lebih akan memberikan ulasan, komentar atau menyampaikan ucapan kepada rakyat. Objektif komunikasi awam selalunya adalah untuk diberitahu atau dipujuk untuk melakukan, membeli atau berfikir dengan cara yang tertentu; atau mengubah sikap, pandangan atau nilai terhadap sesuatu.

Kelemahan komunikasi awam adalah maklum balas lisan daripada khalayak yang terhad. Dalam komunikasi ini, khalayak dan pengucap tidak boleh berkomunikasi secara dua hala seperti mana yang berlaku dalam komunikasi interpersonal ataupun komunikasi kumpulan yang kecil. Mereka mungkin hanya berpeluang untuk bertanya soalan atau memberikan komen yang ringkas pada akhir sesi. Selain itu, reaksi bukan lisan mereka selalunya memberikan pelbagai petunjuk tentang penerimaan mereka terhadap apa-apa yang diperkatakan oleh si pengucap. Dalam komunikasi awam, pengucap selalunya mempunyai peluang atau ruang untuk merancang dan merangka apa-apa yang akan diperkatakannya seperti analisis khalayak, kandungan ucapan, intonasi suara dan gaya ucapan. (*Guffey dan Almonte 2010*)

2.6.5 KOMUNIKASI MASSA

Komunikasi massa pula melibatkan penghantaran mesej kepada khalayak yang ramai dan mereka berada di tempat yang berbeza. Mesej-mesej ini selalunya dihantar melalui media elektronik seperti televisyen dan radio atau media cetak seperti akhbar dan majalah. Dengan perkembangan teknologi moden, mesej komunikasi massa juga boleh dihantar melalui media baharu seperti blog, laman sesawang, twitter atau facebook. Komunikasi jenis ini berbeza dengan komunikasi-komunikasi lain daripada beberapa segi, iaitu:

1. Kebanyakan mesej massa ditunjuk kepada kumpulan khalayak yang besar tanpa perlu bersemuka.
2. Kebanyakan mesej yang dihantar melalui saluran komunikasi massa biasanya dibentuk atau dibiayai oleh organisasi yang besar.

3. Komunikasi massa selalunya dikawal oleh orang tengah yang membentuk mesej tersebut, menentukang mesej apa dan bagaimana yang perlu dihantar kepada khalayak serta bila mesej tersebut perlu disampaikan. Antara pihak yang mempunyai pengaruh terhadap mesej-mesej massa yang dihantar ialah pembiaya, penerbit, wartawan dan eksekutif. Walaupun pada masa kini blog-blog banyak membuka ruang kepada individu untuk menyebarkan maklumat am dan meluas kepada masyarakat, tetapi kebanyakan mesej massa masih dikawal oleh sumber-sumber daripada organisasi awam atau korporat. (*Amir Anis, Mohd Rasul Mohammad Noor & Ahmad Rozelan Yunus (2008)*)

2.7 TUJUAN KOMUNIKASI

Mungkinkah kita boleh bertanya kepada diri kita sendiri, bolehkah kita berkomunikasi tanpa tujuan? Pastiya kita mempunyai tujuan-tujuan tertentu apabila berkomunikasi. Tujuan-tujuan ini boleh disedari atau tidak disedari boleh dikenalpasti atau tidak boleh dikenalpasti. Walaupun penggunaan teknologi semakin meningkat dan berkembang (contohnya seperti email dan lain-lain, chat, sistem pesanan ringkas atau SMS, twitter dan lain-lain), tujuan kita berkomunikasi tetap sama. Mengenal pastu lima tujuan umum komunikasi, iaitu untuk mengetahui, mengaitkan, membantu, memujuk dan menghibur.

1. Untuk mengetahui Salah satu daripada matlamat berkomunikasi adalah untuk mengetahui sifat peribadi anda. Apabila anda berkomunikasi dengan orang lain, anda belajar tentang diri anda dan juga orang lain. Persepsi berkenaan diri anda terhasil daripada apa-apa yang anda pelajari daripada orang lain tentang diri anda sendiri semasa berkomunikasi. Selain pemahaman tentang diri sendiri dan orang lain, komunikasi juga membantu anda mengetahui tentang dunia luar, iaitu pengetahuan tentang objek-objek, peristiwa-peristiwa dan orang lain. Sama ada sedar atau tidak, banyak perkara dan kajian yang anda pelajari atau ketahui setiap hari seperti bencana, sukan, kesihatan atau ekonomi diterima melalui pelbagai bentuk media massa. Pengetahuan yang diperolehi daripada media diperkukuhkan dengan apa-apa yang dipelajari daripada interaksi interpersonal dengan orang lain. Selalunya maklumat yang didapati daripada saluran media ini dibincangkan dengan orang lain dan hal ini akan meningkatkan dan menambah pengetahuan kita tentang sesuatu perkara.

2. Untuk mengaitkan Sebagai manusia, kita mempunyai sifat semula jadi, iaitu ingin disukai dan disayangi. Hubungan yang dibentuk ini juga membolehkan kita menyukai dan menyayangi orang lain. Kita berkomunikasi dengan pelbagai kumpulan dalam kehidupan. Keadaan ini menuntut banyak masa kita dan membuktikan kepentingan komunikasi. Walau bagaimanapun, selain menjalin dan mengukuhkan hubungan, Komunikasi juga boleh digunakan untuk memutuskan hubungan, menjarakkan diri, berhujah, bertengkar dan bergaduh dengan orang lain. Jadi, dalam berkomunikasi, kita akan cuba mengaitkan diri kita dengan orang lain untuk tujuan tertentu dan dengan cara tertentu.

3. Untuk membantu Selain untuk mengetahui dan mengaitkan, komunikasi juga boleh digunakan untuk tujuan membantu. Umpamanya, para kaunselor dan pensyarah yang banyak menggunakan komunikasi untuk membantu orang lain. Kerjaya mereka berkait rapat dengan komunikasi. Dalam kehidupan seharian, anda juga boleh menggunakan komunikasi untuk membantu dan memberikan sokongan kepada orang lain. Contohnya, kita memberikan kritikan yang membina, melahirkan rasa empati atau mendengar dengan penuh minat apabila rakan-rakan kita bercerita tentang pekerjaan atau pengalaman mereka.

4. Untuk memujuk dalam kehidupan seharian, anda mungkin memujuk dan cuba meyakinkan orang lain. Kadangkala anda sendiri juga dipujuk oleh orang lain. Kenapa kita memujuk dan dipujuk? Sama ada dalam interaksi interpersonal ataupun kumpulan kecil, anda mungkin memujuk orang lain untuk berubah sikap dan perlakuan mereka. Anda mungkin perlukan sokongan mereka bagi mengundi seseorang individu atau sesuatu isu, membeli suatu barang, menggunakan suatu produk kecantikan, mempercayai sesuatu itu benar atau salah dan juga untuk lain-lain tujuan. Dalam satu temuduga misalnya, anda mungkin cuba untuk meyakinkan pihak yang menemu duga untuk mengambil anda bekerja dengan mereka. Semua ini anda lakukan sama ada secara sedar ataupun tidak. Jelasnya, pemujukan berlaku setiap hari di sekeliling kita.

5. Untuk menghiburkan Komunikasi untuk tujuan menghiburkan merangkumi motif untuk keseronokan, melepaskan diri dari merehatkan diri. Contohnya, kita menonton rancangan

komedi semata-mata kerana rancangan tersebut menghiburkan dan menarik. Ataupun kita bercerita tentang perkara-perkara jenaka dan mengaitkannya dengan cerita-cerita lain yang menarik kerana perkara tersebut juga memberi kita keseronokan. Kita turut berkomunikasi untuk melepaskan diri daripada tekanan dan tanggungjawab yang membebankan kita.

Tujuan-tujuan komunikasi ini juga boleh dilihat daripada dua perspektif lain iaitu; dari motif kita untuk terlibat dalam komunikasi. Maknanya, kita berkomunikasi untuk memenuhi keperluan pengetahuan ataupun untuk membentuk hubungan. Tujuan-tujuan ini juga boleh dilihat dari sudut hasil, iaitu apa yang kita ingin capai. Kita terlibat dalam komunikasi, terutamanya komunikasi interpersonal bagi meningkatkan pengetahuan tentang diri kita atau orang lain atau untuk menerapkan pengaruh atau kuasa terhadap orang lain, Jika anda perhatikan, setiap komunikasi yang berlaku mempunyai kombinasi tujuan yang tersendiri, dimotivasikan oleh kombinasi faktor yang tertentu dan membuahkan kombinasi hasil yang unik. *(Muhammad Jeffery Hizwan Bin Said, 2018)*

2.8 FUNGSI KOMUNIKASI

Setelah memahami maksud komunikasi dan melihat sebab-sebab kenapa kita perlu berkomunikasi, seterusnya kita akan mendalami fungsi-fungsi komunikasi, dalam kehidupan kita. Sama ada sedar atau tidak; sama ada kita belajar atau bekerja, setiap hari banyak masa kita diluangkan untuk urusan komunikasi. Hal ini kerana kita sentiasa dikelilingi oleh orang lain. Oleh itu, kita selalunya akan cuba untuk memahami dan difahami dan keadaan ini semestinya melibatkan komunikasi. Secara keseluruhannya, komunikasi memenuhi keperluan dan keinginan kita dalam pelbagai cara. Bahagian berikut akan memperjelaskan bagaimana komunikasi dapat memenuhi keperluan akan memperjelaskan bagaimana komunikasi dapat memenuhi keperluan fizikal, identity, sosial dan praktikal. *(Bahagian Pendidikan Guru, 2007)*

2.8.1 KEPERLUAN FIZIKAL

Keperluan fizikal ini berkait dengan kesihatan fizikal kita. Banyak pendapat yang menyatakan bahawa komunikasi amat penting untuk kesihatan fizikal. Pengkaji-pengkaji perubatan menegaskan bahawa ketidakwujudan komunikasi yang memuaskan mampu mengancam kehidupan, contohnya:

1. Mereka yang tidak mempunyai hubungan yang kukuh dengan orang lain mempunyai risiko kematian awal, iaitu antara dua hingga tiga kali ganda, tanpa mengambilkira sama ada mereka mengamalkan aktiviti yang kurang sihat seperti menghisap rokok, meminum arak atau bersenam secara konsisten.
2. Penceraian, perpisahan dan mereka yang kematian pasangan pula berhadapan dengan risiko antara lima hingga sepuluh kali ganda untuk dimasukkan ke dalam hospital disebabkan masalah tekanan mental jika dibandingkan dengan mereka yang kekal berkahwin.
3. Kanser kronik selalunya akan menyerang mereka yang bersendirian dan tidak bersosial jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai hubungan personal yang rapat dengan orang lain.

Jelas di sini bahawa hubungan personal yang memuaskan adalah penting dalam kehidupan seharian. Fakta ini adalah benar. Tidak semua orang memerlukan jumlah waktu berhubungan yang sama, tetapi kajian juga menunjukkan bahawa kualiti adalah sama penting dengan kualiti kita berkomunikasi. Hal yang cuba ditekankan di sini ialah komunikasi personal sememangnya perlu dalam membantu ke arah kehidupan yang sihat. (*Bahagian Pendidikan Guru*)

2.8.2 KEPERLUAN IDENTITI

Proses komunikasi yang dilalui sepanjang hidup membolehkan kita belajar mengenali siapa diri kita, iaitu melalui proses interaksi yang berlaku dengan orang lain. Bagaimana kita

dapat mengenali dengan lebih jelas tentang diri kita? Sama ada kita ini cantik, malas, bodoh, menarik, cekap atau hodoh? Adakah kita dapat mengetahui siapa diri kita hanya dengan melihat ke dalam cermin? Sudah tentu jawapannya tidak kerana cermin hanya memberikan refleksi tetapi tidak menceritakan secara lanjut tentang siapa diri kita. Ringkasnya kita boleh membuat kesimpulan tentang siapa kita berdasarkan reaksi orang lain terhadap kita. Dengan kata lain, kita dapat menggambarkan siapa diri kita yang sebenarnya daripada cara orang lain mendefinisikan kita. Proses mendefinisikan ini bermula dari zaman kanak-kanak lagi, iaitu kita menerima mesej-mesej yang mempengaruhi proses pembesaran beserta pengaruh-pengaruh orang lain terhadap kita (seperti ahli keluarga dan rakan sebaya) yang akan berterusan sepanjang hidup. (*Bahagian Pendidikan Guru, 2007*)

2.9 KESIMPULAN

Komunikasi ialah perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain. Komunikasi yang baik sangat penting bagi sesebuah perhubungan. Tanpa komunikasi yang baik, sesuatu hubungan tidak akan berkekalan. Setiap manusia memerlukan komunikasi kerana manusia tidak dapat hidup keseorangan. Hal ini kerana manusia diciptakan berpasangan oleh Allah S.W.T. komunikasi ialah satu minda mempengaruhi minda lain melalui tulisan, muzik, seni, lukisan, teater, tarian dan semua pertuturan manusia. Komunikasi ialah penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat, pendapat dan tulisan, percakapan atau imej, visual atau lain-lain dengan difahami oleh setiap yang terlibat. Komunikasi dan kemahiran mendengar saling berkaitan diantara satu sama lain. Untuk berkomunikasi dengan baik, kita perlu menjadi pendengar yang baik.

Cara untuk menjadi pendengar yang baik ialah ialah berhenti bercakap untuk mendengar apa yang ingin diperkatakan oleh kawan kita, elakkan diri dari mengganggu dan menyampuk, beri tumpuan yang secukupnya, memahami maksud yang sebenar, mengajukan soalan, pernyataan dan kemusykilan jika perlukan memberikan maklum balas kepada orang yang menyampaikan maklumat. Di antara ciri-ciri komunikasi yang baik ialah jelas dan khusus, hormat menghormati diantara pemberi dan penerima, tidak bercakap serentak, mendengar dengan aktif, memberi sepenuh tumpuan dan jangan membuat kesimpulan sendiri. Komunikasi

berlaku atas dasar bagaimana maklumat disampaikan iaitu cara melafazkan maklumat, nada suara, penggunaan tatabahasa ayat, frasa dan rangkai kata, bahasa tanpa lisan, ekspresi wajah, kontak mata, gerak kepala, tangan dan kaki danyang terakhir ialah posisi tubuh. Kesemua ini mempengaruhi cara penyampaian, kefahaman, penerimaan dan menginterpretasi maklumat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian lapangan yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai pengumpulan maklumat kajian. Ia dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanan pensyarah dalam mewujudkan komunikasi berkesan dalam kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif yang digunakan adalah untuk mengumpul data melalui soal selidik. Bagi pengkaji, kaedah ini dapat memberi maklumat yang tepat dan jelas serta berpotensi memenuhi kehendak soalan kajian yang dibuat.

Kaedah kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Ia juga merupakan metod untuk mendapatkan objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh pengkaji. Objektif-objektif kajian tersebut ialah :

1. Menjelaskan konsep komunikasi dalam talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah.
2. Mengenal pasti bentuk pelaksanaan komunikasi dalam talian oleh pensyarah pendidikan Islam terhadap pelajar di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.
3. Mengenal pasti Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah penerimaan terhadap komunikasi dalam talian oleh pensyarah.

Justeru, bagi mencapai objektif ini, pengkaji sedaya upaya cuba untuk membuat dan mengadakan kaedah serta cara untuk merealisasikan tujuan tersebut. Seterusnya bagi borang soal selidik, pengkaji membahagikannya kepada enam bahagian iaitu :

- a) Latar belakang responden.
- b) Keberkesanan pembelajaran dalam talian.
- c) Permasalahan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
- d) Isu yang dihadapi semasa kelas dalam talian.
- e) Aplikasi yang digunakan semasa kelas dalam talian.

Kesemua soalan ini dibina dalam bentuk soalan berstruktur/objektif. Setelah pelbagai maklumat dan data-data diperolehi daripada soal selidik yang telah dijalankan, semua data ini diproses dan dianalisa dengan lebih mendalam kemudian data yang telah diproses dimasukkan ke dalam kajian penyelidikan sebagai dapatan kajian.

3.2 TEMPAT KAJIAN

Kerja persampelan kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). KUIPSAS dipilih kerana ia merupakan kolej Islam yang mengambil pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak kira yang berlatar belakangkan sekolah agama ataupun sekolah harian biasa. Pada 27 Ogos 1996, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan idea penubuhan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS). Bagi permulaan penubuhannya, KUIPSAS menampung keperluan saluran pengajian tinggi bagi pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah agama negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi. Seramai 67 orang pelajar terpilih dalam pengambilan kumpulan pelajar pertama sebaik sahaja menerima keputusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tarikh 16 November 2000 bersamaan 19 Syaaban 1421H, KUIPSAS telah dirasmikan oleh KDYMM Sultan Pahang iaitu Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Sehingga kini, KDYMM Sultan Pahang menjadi simbol dan lambang kegemilangan kolej ini dinegeri Pahang. Seterusnya, KUIPSAS mula berdaftar sebagai institusi pendidikan tinggi swasta dan bernaung sepenuhnya dibawah anak syarikat kerajaan negeri iaitu Sistem Pendidikan Islam Pahang Sendirian Berhad (SPIPSB) pada April 1998. KUIPSAS yang ketika itu menawarkan peluang pengajian diploma telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1996. Hal ini menunjukkan komitmen 3 padu dan jitu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap KUIPSAS terutamanya menerusi geran peruntukan tahunan.

Kolej ini dibina di atas tanah yang berukuran kira-kira 41 ekar dan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM41 juta. Ianya merangkumi bangunan pentadbiran, bangunan akademik, perpustakaan, blok-blok asrama pelajar, kafeteria, dewan besar, kompleks sukan, rumah kediaman Presiden dan blok-blok kediaman pensyarah/staf. Kesemuanya telah siap dibina pada Februari tahun 2000. Di samping itu, bagi menampung perkembangan pembangunan dan sebagai aset KUIPSAS, kerajaan negeri Pahang telah memperuntukkan tanah seluas 503 ekar. Selain itu, antara yang turut menjadi mercu tanda dan kebanggaan KUIPSAS ialah sebuah masjid yang dibina yang bernilai hampir RM10 juta. Proses perkembangan seterusnya ialah usaha menaik taraf KUIPSAS ke Kolej Universiti (KU). Sebagai langkah awal, KUIPSAS telah menyahut saranan Ahli Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengurus Sistem Pendidikan Islam Pahang agar membina kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Antara objektif KUIPSAS ialah pertamanya, menyediakan program pengajian berkualiti berlandaskan Islam dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Selain itu, meningkatkan profesionalisme tenaga akademik dan pengurusan melalui pembangunan staf. Di samping itu, membentuk individu yang berilmu, beriman, berakhlak mulia dan berdaya saing. KUIPSAS juga ingin membangunkan dan melengkapkan prasarana pendidikan terkini bagi menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan efisien. Objektif yang terakhir ialah menjadikan KUIPSAS sebagai pusat penyelidikan dan rujukan ke arah pembangunan pendidikan sejagat.

3.3 KAEDAH PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN

Sampel dalam penyelidikan ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan. Bagi memastikan kejayaan kajian, pengkaji mempunyai strategi persampelan dalam mengumpul data-data yang diperlukan melalui pensyarah-pensyarah KUIPSAS. Persampelan ialah proses penyelidikan yang dilakukan ke atas populasi yang dikaji. Oleh itu, soal selidik melibatkan 30 orang pensyarah. Responden-responden ini adalah terdiri daripada pensyarah dalam lingkungan 20 hingga 60 tahun. Persampelan secara rawak digunakan untuk membolehkan setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

3.4 KAEDAH MENGEDAR SOAL SELIDIK

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah ini adalah kerana ia sangat mudah untuk diuruskan. Ia juga hanya memerlukan masa yang singkat untuk menjawab dan penyeliaannya yang senang. Oleh itu, kaedah ini amat sesuai kerana dapat menjimatkan masa. Umum mengetahui negara kini sedang dilanda wabak Covid-19 yang menyebabkan semua kolej dan universiti terpaksa ditutup dan sesi pembelajaran harus dilakukan di rumah masing-masing secara atas talian. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menggunakan borang soal selidik online yang dihasilkan melalui Google Form. Setelah itu, borang tersebut akan diedarkan melalui medium Whatsapp kepada pensyarah-pensyarah KUIPSAS yang berada dalam fakulti pengajian Islam dan fakulti pengajian pengurusan. Dalam borang soal selidik itu akan diterangkan mengenai tujuan soal selidik dijalankan dan meminta responden untuk menjawabnya dengan jujur kerana ia akan mempengaruhi hasil kajian.

3.5 KAEDAH PENGUMPULAN SOAL SELIDIK

Dalam mendapatkan semua respon-respon dan maklum balas daripada sampel kajian, pengkaji memberi masa selama lima hari untuk pensyarah-pensyarah KUIPSAS mengisi maklumat-maklumat serta melengkapkan butiran-butiran yang seharusnya mereka isi dalam borang soal selidik yang dilakukan secara atas talian. Pengkaji cuba untuk mengelakkan daripada memberikan tekanan kepada responden kajian dalam mendapatkan maklumat dan data kajian. Pengkaji juga memastikan maklumat yang diperolehi daripada responden kajian adalah genuin atau asli. Jika telah cukup 15 responden daripada fakulti pengajian Islam dan 15 responden daripada fakulti pengajian pengurusan, pengkaji akan terus ke proses menganalisis dan mengestrak data.

3.6 KAEDAH MENGESTRAK DATA

Maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif. Kaedah penganalisan data dilakukan dengan menggunakan program Statistical Package for Social Science (SPSS versi 18.0) dan Microsoft Excel. SPSS adalah satu daripada beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial dan pendidikan. SPSS dibina khusus untuk menampung penganalisan data yang banyak dan berulang dengan cepat dan cekap. Data yang dianalisis dibentangkan dalam bentuk carta pai yang mana akan dibandingkan antara mahasiswa daripada fakulti pengajian Islam dan fakulti pengajian pengurusan sesuai dengan objektif kajian.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 ANALISIS DATA

Data dianalisis menggunakan SPSS dalam bentuk peratus, min dan sisihan piawai. Nilai alpha cronbach. Ujian T digunakan untuk mendapatkan nilai perbezaan antara penguasaan komunikasi interpersonal dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian di kalangan Pensyarah dan Pelajar Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian. Pengkaji telah mengkategorikan tahap kemahiran komunikasi kepada 3 kategori berdasarkan min dari skala likert yang diberikan oleh responden iaitu tinggi, sederhana dan rendah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: kategori tahap kemahiran

Kategori	Julat min
Rendah	1.0 – 2.99
Sederhana	3.0 – 3.99
Tinggi	4.0 – 5.00

4.2 DAPATAN KAJIAN

4.2.1 Penguasaan Kemahiran Interpersonal

Persoalan Kajian 1: Apakah tahap kemahiran interpersonal dalam kalangan pensyarah semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian?

Berdasarkan kepada analisis data, didapati responden memperoleh skor min keseluruhan adalah 3.44 .kemahiran interpersonal secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana. Analisa bagi item soalan 6 dalam komponen kemahiran komunikasi interpersonal iaitu Sering bertanya kepada mereka yang lebih arif jika menghadapi sebarang masalah mencatat min skor yang paling tinggi iaitu 4.31 di mana ia menunjukkan tahap yang tinggi. Manakala soalan 1 iaitu Sering menghadapi masalah komunikasi antara pensyarah dengan pelajar telah menunjukkan min skor yang terendah iaitu 2.14 . Walaupun skor min yang tertinggi berada pada tahap yang tinggi, tetapi min skor keseluruhan kemahiran komunikasi interpersonal berada pada tahap sederhana iaitu 3.53. Dapatan analisa peratusan yang dilaksanakan bagi julat skor Kemahiran Komunikasi Interpersonal menunjukkan 91.7 % dari responden berada pada tahap yang sederhana.

4.2.2 Penguasaan Komunikasi Lisan dalam Pengajaran dan pembelajaran

Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah?

Kemahiran yang digunakan adalah berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh pelajar. 11 orang daripada 30 orang responden mempunyai penguasaan yang sangat tinggi, 9 orang mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dan 10 orang mempunyai tahap penguasaan yang sederhana. Secara tidak langsung peratusan yang tertinggi ini menunjukkan responden mempunyai tahap penguasaan sangat tinggi berkaitan item ini. Skor min yang paling rendah disebabkan pencapaian internet yang rendah. Seramai 10 orang responden dapat menguasai pembelajaran ketika berkomunikasi pada tahap sederhana. Dapatan ini, menunjukkan hanya sebahagian sahaja responden yang dapat berkomunikasi secara keseluruhannya tahap penguasaan komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah berada pada tahap yang sederhana dengan skor min keseluruhan 3.44.

4.2.3 Penguasaan Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran

Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran komunikasi bukan lisan dalam kalangan pensyarah?

Menggunakan eye contact semasa kelas dalam talian menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.31. 10 daripada 30 orang responden memberikan maklumbalas pada tahap sederhana, 10 orang memberikan maklumbalas pada tahap yang sangat tinggi dalam penggunaan eye contact semasa melaksanakan kelas dalam talian. Ini menunjukkan responden lebih banyak berkomunikasi dengan pelajar menggunakan eye contact. Skor min bagi item ini adalah 3.42. 20 orang responden memberi maklumbalas pada tahap sederhana. Secara keseluruhan min bagi elemen komunikasi bukan lisan berada pada tahap yang sederhana.

4.3 RUMUSAN DAPATAN

Purata min keseluruhan yang diperolehi dalam analisa data bagi persoalan kajian 1,2 dan 3 adalah seperti di dalam Jadual 6.

Jadual 2: Purata Min Setiap Bahagian Dalam Borang Soal Selidik

Aspek kemahiran komunikasi	Min	Tahap
Kemahiran interpersonal	3.53	Sederhana
Kemahiran komunikasi lisan	3.44	Sederhana
Kemahiran komunikasi bukan lisan	3.42	Sederhana

Berdasarkan kepada Jadual 2, menunjukkan nilai purata bagi sub skala yang kemahiran interpersonal ialah 3.44. Ia menunjukkan bahawa responden yang terdiri daripada kalangan pensyarah Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah mempunyai kemahiran interpersonal yang sederhana. Manakala bagi subskala komunikasi lisan, responden juga menunjukkan tahap keyakinan yang sederhana iaitu nilai skor minnya ialah 3.44. Subsкала seterusnya ialah komunikasi bukan lisan. Subsкала ini juga mencatatkan nilai skor min yang sederhana iaitu 3.42. Skor min ini adalah skor min yang sederhana

dicatatkan antara ketiga-tiga item. Secara keseluruhannya Kemahiran Komunikasi Interpersonal pensyarah-pensyarah Kolej Univeriti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah mempunyai tahap komunikasi yang sederhana dalam pelaksanaan pembelajaran.

4.4 PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi melihat penguasaan kemahiran komunikasi khasnya komunikasi interpersonal pensyarah kepada pelajar Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Melihat kepada kepentingan komunikasi dalam pelaksanaan pembelajaran samada secara lisan atau bukan lisan. Komunikasi yang baik dengan pelajar dapat menjamin interaksi yang lebih mudah dan teratur. Selain daripada itu,

Dapatan kajian ini menunjukkan responden menguasai kemahiran komunikasi interpersonal, komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan semasa sesi pembelajaran pada tahap sederhana. Kemahiran interpersonal merupakan kemahiran yang sangat penting bagi pensyarah-pensyarah kerana mereka perlu berinteraksi dengan sangat baik bagi menarik minat pelajar untuk mengikuti kelas dalam talian yang dianjurkan oleh kolej dari semasa ke semasa. Pensyarah yang ramah dan mudah mesra akan menjadi tempat rujukan pelajar. Secara tidak langsung pelajar akan kerap berhubung dengan pensyarah-pensyarah dan pelajar tidak kekok untuk bertanya berkaitan subjek-subjek yang dianjurkan oleh kolej.

Dapatan kajian dari analisis peratusan bagi komunikasi lisan juga menunjukkan tahap komunikasi lisan responden yang memberansangkan dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Komunikasi lisan sangat penting bagi mewujudkan situasi yang baik di dalam kelas. Komunikasi yang baik antara pensyarah dan pelajar dapat menarik minat dalam sesi pembelajaran. Ia termasuklah ketika pensyarah menyampaikan pembelajaran dan memberi arahan kepada pelajar. Sifat mesra, peramah dan humor adalah antara sifat yang disukai oleh pelajar.

Skor min bagi komunikasi lisan ini menunjukkan komunikasi responden dengan pelajar adalah baik dan berkesan. Dapatan kajian bagi tahap komunikasi lisan dalam pelaksanaan pembelajaran mencatat nilai peratusan yang paling tinggi berbanding komunikasi interpersonal dan komunikasi bukan lisan. Kajian berkaitan komunikasi interpersonal dan komunikasi bukan lisan penting kerana ia juga merupakan salah satu bentuk komunikasi dalam proses pembelajaran. Dalam kehidupan seharian secara sedar atau tidak kita menggunakan komunikasi bukan lisan.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 CADANGAN

Terdapat beberapa perkara yang dianggap penting yang mempengaruhi peranan pensyarah dalam mewujudkan komunikasi berkesan di antara pelajar.

Pensyarah perlu meminati subjeknya/bermotivasi

Seorang pensyarah yang meminati subjeknya akan dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Disebabkan minat, pensyarah akan meningkatkan ilmu dan kemahiran serta melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi menyampaikan pengajaran yang bermanfaat dan berkesan. Para pensyarah diberi peluang untuk menerokai dengan lebih lanjut dan teliti dalam bidang masing-masing. Tambahan lagi, para pensyarah yang berminat akan diberi peluang untuk menjalani SIP (Sangkutan Industri Pensyarah) untuk mendedahkan para pensyarah dengan ilmu dan pengetahuan mengikut bidang perkembangan semasa serta mengikut Pensyarah meminati subjeknya/bermotivasi Pensyarah yang bermaklumat Pensyarah berucap dalam menyampaikan idea Nada suara dalam pengajaran Menggunakan bahasa badan dalam pengajaran Pensyarah memahami emosi pelajar Persediaan mengajar yang lengkap Keberkesanan komunikasi dalam pengajaran & pembelajaran kehendak industri. Pensyarah boleh menceritakan pengalaman yang sebenar kepada para pelajar dan mereka akan lebih berminat dan menumpukan perhatian ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan. *Sulaiman Masri (1997)*

i) Pensyarah yang bermaklumat Pensyarah seharusnya memiliki maklumat dan pengetahuan terkini supaya pengajaran baru yang akan disampaikan nanti dapat meningkatkan minat dan

kualiti pengajarannya. Pensyarah perlu bermaklumat dan menguasai tajuk-tajuk secara terperinci.

ii) Berkemahiran berucap dalam menyampaikan idea Pengajaran yang berkesan ialah pensyarah berucap dengan lancar dihadapan pelajar-pelajar. Cara penyampaian isi pelajaran dengan cara yang menarik minat pelajar akan dapat meningkatkan daya tanggapan, dan tahap kefahaman para pelajar. Oleh itu, kemahiran berucap yang dimiliki oleh para pensyarah dapat memberi impak yang tinggi dalam mempersembahkan isi pelajaran kepada para pelajarnya. (*Arends, 2000*)

iii) Persediaan mengajar yang lengkap Fail rekod pensyarah adalah dokumen rasmi pensyarah untuk persediaan mengajar. Contohnya, rancangan mengajar, nota, tugas, kuiz dan amali yang hendak disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah sepanjang satu semester. Segala perancangan yang rapi boleh membantu komunikasi yang berkesan kepada pelajar. (*Bull, Shirley dan Jonathan, 1987*)

iv) Dapat memahami emosi pelajar, Para pensyarah perlu berusaha memahami emosi pelajar dengan beberapa kaedah iaitu dengan melihat air mukanya, memahami latar belakang keluarganya, status sosio-ekonominya dan aspek kesihatannya. Emosi pelajar merupakan unsur penting untuk mereka terus komited untuk belajar ataupun tidak menghiraukan apa yang diajar oleh pensyarah. Pensyarah yang berjaya sentiasa memikirkan, malah meneliti aspek emosi pelajar dan cuba mengadaptasi diri mereka dengan keperluan pelajar. (*Balson 1991*)

v) Bahasa badan dalam pengajaran pergerakan atau bahasa badan pensyarah akan menarik perhatian dan minat agar dapat memusatkan pemikiran pelajar kepada tajuk dan isi pelajaran yang disampaikan. Contohnya, dalam proses pengajaran dan pembelajaran para pensyarah boleh menggunakan kepala untuk menggantung atau menggeleng yang memberi isyarat setuju atau tidak setuju. (*Emmert dan Emmert 1984*)

vi) Nada suara dalam pembelajaran Pensyarah hendaklah mahir menggunakan nada suara yang sesuai dengan maksud dan hasrat semasa berkomunikasi dan berinteraksi dengan pelajar. Pensyarah yang komited sentiasa menggunakan nada suara yang lantang dan jelas supaya dapat menarik perhatian pelajar. *Abd. Halim Hassan (1994)*

5.2 KESIMPULAN

Dapatlah dirumuskan bahawa untuk meningkatkan keberkesanan dalam sesuatu putaran komunikasi, pensyarah perlu memberikan perhatian kepada beberapa elemen yang telah disenaraikan, dipraktikkan dan diaplikasikan dengan penuh yakin supaya proses interaksi yang wujud dalam kelas akan cukup bermakna, ceria dan bermanfaat. Tidak dapat dinafikan elemen komunikasi merupakan salah satu elemen yang cukup penting dalam fasa pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi yang berkesan dan komunikasi yang mesra antara pensyarah dan pelajar akan meningkatkan lagi bukan sahaja interaksi yang intim dan akrab, malah mewujudkan suasana yang cukup harmoni dan ini akan menghindari segala halangan dan sekatan yang akan membatasi dan menghadkan perhubungan pensyarah-pelajar. Sebagai seorang pensyarah, komunikasi berkesan haruslah bermula dari kita. Justeru itu, seorang pensyarah yang inginkan pelajar-pelajarnya berjaya, inginkan berlakunya perubahan sikap terhadap pelajar, maka pensyarah harus menghasilkan komunikasi yang berkesan terhadap para pelajar. Pelajar merasa diri mereka dihargai yang mana pendapat mereka diterima sebaiknya. Pensyarah sentiasa bersedia berbincang untuk menyelesaikan masalah pembelajaran para pelajar. Walaupun minat merupakan faktor utama dalam mempengaruhi sikap para pelajar, tetapi komunikasi juga merupakan faktor yang boleh mempengaruhi sikap pelajar terhadap sesuatu subjek. Kurangnya minat pelajar terhadap sesuatu subjek boleh diatasi dengan komunikasi dan dorongan membina sikap dan minat yang lebih positif. Inilah peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh para pensyarah.

5.3 RUJUKAN

1. Abd. Halim Hassan (1994). *Komunikasi dalam pengurusan pendidikan, Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa.*
2. Abdullah, S. dan Mohd, A. (2005). *Guru sebagai Mentor. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.*
3. Abdul Rashid, A. R. (2000b). *Pendidikan Bertaraf Dunia dalam Wawasan dan Agenda Pendidikan.* Kuala Lumpur: Utusan.
4. Bahagian Pendidikan Guru (2007). Modul 2: Pedagogi 1, *Kementerian Pelajaran Malaysia.*
5. Ee Ah Meng (2001). *Pedagogi II –Edisi Ke-2.* Selangor: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
6. Gregory, H. (1996). *Public speaking for college & career.* London: Mc Graw Hill.
7. Konting, M. M. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Edisi Keenam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Nazirmuddin Ahmad (2004). *Komunikasi berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
9. Sulaiman, et.al. (2002). *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn Bhd.
10. Woolfolk (1980) *dalam Definisi Pengajaran dan Pembelajaran.* Dicapai pada 4 Januari 2012 daripada <http://www.scribd.com/doc/78386587/DefinisiPengajaran-Dan-Pembelajaran>.
11. Yahaya, A. et. al. (2002). *Hubungan di Antara konsep sendiri dengan Kemahiran Komunikasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah di Johor Bahru.*

LAMPIRAN

11/3/2020

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG RESPONDEN

PERANAN PENSYARAH KUIPSAS UNTUK MEWUJUDKAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA MUSIM COVID-19

***Required**

Jantina *

- Lelaki
- Perempuan

Umur *

- 20 hingga 30
- 31 hingga 40
- 41 hingga 50
- 51 hingga 60

Pensyarah Fakulti *

Your answer

1. Berikan pendapat anda tentang keberkesanan pembelajaran dalam talian?

Your answer

2. Adakah anda mempunyai masalah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran atas talian? *

Yes

No

3. Adakah isu yang anda hadapi semasa kelas dalam talian? *

Your answer

4. Aplikasi yang di gunakan semasa kelas dalam talian? *

Your answer

5. Kaedah yang di gunakan semasa penyampaian ? *

Your answer

Submit

Never submit passwords through Google Forms.

This content is neither created nor endorsed by Google. [Report Abuse](#) - [Terms of Service](#) - [Privacy Policy](#)

Google Forms

